

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 8 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1211-L12636
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mengenal pasti golongan kemiskinan bandar dan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan bandar di bandar raya utama seperti Johor Baru.
2. PR-1211-L12641
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pegawai dan nama Jabatan masing-masing yang dikenakan tuduhan rasuah sepanjang tahun 2003 hingga 2007 dan nyatakan kategori rasuah yang dilakukan oleh mereka. Apakah strategi mutakhir bagi mencegah amalan rasuah di kalangan Pegawai Kerajaan.
3. PR-1211-L12045
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah dasar pemulihan rumah bagi peserta-peserta Rancangan Tanah FELCRA.
4. PR-1211-L11361
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar terdapat banyak aduan terhadap perkhidmatan Puspakom. Apakah sebabnya bayaran pemeriksaan kenderaan telah dinaikkan baru-baru ini. Nyatakan jumlah dan jenis aduan terhadap PUSPAKOM dan apakah tindakan Kementerian.

5. PR-1211-L12133
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- a) sejauh manakah kempen anti minyak kelapa sawit di negara Barat mempengaruhi pasaran sawit negara; dan
 - b) adakah keadaan harga komoditi tersebut akan stabil pada paras harga sekarang mengikut unjuran jangka pendek dan jangka panjang dan adakah Kerajaan akan menggalakkan lagi penanaman kelapa sawit dan insentifnya kepada penanaman baru.
6. PR-1211-L12042
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) nama-nama mereka yang dikenalpasti sebagai golongan Wahabi dan di bawah akta atau Undang-undang mana Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan fatwa mengenai golongan wahabi; dan
 - b) alasan menyesatkan golongan wahabi dan pernahkah di adakan muzakarah atau perbincangan dengan mereka ini. Jika ya, bila.
7. PR-1211-L11260
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- a) apakah Kementerian sedar melalui media elektronik terdapat banyak program berbentuk program realiti mahupun berbentuk kuiz yang mempelawa penyertaan rakyat melalui kemudahan SMS; dan
 - b) keuntungan Kerajaan, stesen media elektronik yang diperolehi melalui program berbentuk demikian dan berapa dibelanjakan oleh rakyat yang menyertai program-program sedemikian.

8. PR-1211-L12143
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- a) adakah penguatkuasaan dilakukan pada waktu malam bagi memastikan Bas-bas Ekspres mematuhi had laju yang telah ditetapkan; dan
 - b) adakah pemeriksaan dilakukan terhadap jumlah pemandu yang wajib ada dalam bas dalam setiap perjalanan bas-bas Ekspres.
9. PR-1211-L11832
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah buah-buahan tempatan yang telah berjaya melepasi pasaran antarabangsa dan nyatakan nilainya dari tahun 2002 sehingga 2007.
10. PR-1211-L11643
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kemajuan penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang dijanjikan oleh bekas Menteri bagi Kementerian ini dan bilakah pindaan berkenaan akan dibentangkan dan sama ada seksyen-seksyen 15 dan 16 akta tersebut akan dimansuhkan.
11. PR-1211-L12406
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembinaan laluan kereta api dari Kuala Lumpur ke Kuantan, Terengganu dan Kelantan seterusnya dihubungkan ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA) akan dilaksanakan dalam projek ECER.
12. PR-1211-L12080
Tuan Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang ehsan daripada royalti Petronas yang Kerajaan pusat telah salurkan kepada Kerajaan negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2007.
13. PR-1211-L11284
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan / kemajuan ke atas komitmen JKR untuk meningkatkan kandungan syarat-syarat kontrak ke atas semua kerja pembinaan kerana banyak kelemahannya dan tidak sesuai dengan keperluan semasa.

14. PR-1211-L11281
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sebab-sebab Kementeriannya enggan menyalurkan peruntukan di bawah pelancongan kepada negeri-negeri di bawah pimpinan bukan Barisan Nasional, yang sejurusnya mencerminkan Kementeriannya enggan bekerjasama dengan Kerajaan negeri walaupun dapat memberi manfaat kepada sektor pelancongan negara ini.
15. PR-1211-L12317
Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian mengenai pembukaan estet padi di negeri Sarawak.
16. PR-1211-L11649
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk membina Institut Latihan Kemas (ILK) negeri Sabah dibina di kawasan Parlimen Silam.
17. PR-1211-L11518
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk menanam semangat kenegaraan kepada penuntut-penuntut Malaysia di luar negara yang sentiasa dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada melalui lawatan-lawatan atau sebaran Internet.
18. PR-1211-L11419
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menilai semula polisinya dalam memberikan bantuan kewangan penuh kepada sekolah-sekolah seperti Sekolah Jenis Kerajaan (Cina) atau sekolah Kerajaan lain yang serupa dengannya.
19. PR-1211-L12142
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa Lebuhraya daripada Simpang Pulai ke Lumut yang hendak dimulakan kerja sejak tahun 2000 masih belum dimulakan.

20. PR-1211-L12505
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan Program Lonjakan Luar Bandar untuk:-
- a) membebaskan Malaysia dari belenggu kemiskinan tegar; dan
 - b) mekanisme pelaksanaan program ini di Sabah yang mempunyai bukan sahaja kadar kemiskinan yang tinggi tetapi juga kawasan yang luas.
21. PR-1211-L12698
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan pelaksanaan dasar gaji minima RM 900. Jika tidak, apakah faktor-faktor yang menghalang pelaksanaan dasar ini.
22. PR-1211-L11278
Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat mengadakan satu "referendum" mengenai cadangan untuk mengadakan pilihan raya di peringkat pihak berkuasa tempatan. Jika ya, bila "referendum" itu akan diadakan. Jika tidak, bagaimana Kementerian bercadang untuk mendapat pandangan orang ramai mengenai cadangan ini.
23. PR-1211-L11678
Tuan Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan -
- a) adakah Kementerian akan membantu semua sekolah tanpa mengira aliran, sama ada SMK, SK, SJK(C), SMJK atau SJK (T); dan
 - b) adakah Kementerian sedar terdapat rungutan di kalangan sekolah bantuan modal yang selalu mengalami kesulitan mendapatkan peruntukan atau bantuan kewangan daripada Kementerian dan adakah Kementerian sedia melakukan perubahan.
24. PR-1211-L11897
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang dicadangkan untuk mengurangkan tempoh menunggu kes di mahkamah-mahkamah sivil dan jenayah yang sudah sampai ke tahap yang parah.

25. PR-1211-L12481
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah aduan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sejak 2004 berkenaan kehilangan nama pengundi dari Daftar Pemilih dan apakah punca ianya berlaku dan juga bilakah nama-nama ini dapat dimasukkan semula di Daftar Pemilih.
26. PR-1211-L11978
Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa tindakan Kerajaan Pusat mengarahkan ahli-ahli JKKK meletakkan jawatan untuk dilantik semula sebagai JKKP akan melanggar hasrat Kerajaan yang ingin melihat rakyat di luar bandar bersatu padu untuk melaksana pembangunan dan menjamin keselamatan rakyat sejagat.
27. PR-1211-L12231
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani masalah tempat letak kereta yang tidak mencukupi di Hospital Kuala Lumpur (HKL).
28. PR-1211-L11373
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah sistem pajak dalam operasi perkhidmatan bas di negeri Pulau Pinang dan apakah langkah akan diambil untuk mewujudkan sistem perkhidmatan bas yang efisien dan mampan di negeri itu.
29. PR-1211-L11500
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah urusniaga syarikat Dato' Othman Talib, Web Power Sdn. Bhd dengan PDRM merupakan percanggahan kepentingan terhadap jawatan beliau sebagai anggota Suruhanjaya Pasukan Polis. Kenapakah Kementerian tidak mengambil tindakan terhadap beliau.
30. PR-1211-L11408
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan khusus yang diambil untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam ekonomi dan kenapakah pencapaian 3% ekuiti oleh masyarakat India telah pun ditunda daripada tahun 2010 seperti yang dirancang ke tahun 2020.

31. PR-1211-L12720
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan memastikan sekuriti makanan komoditi sensitif seperti beras terjamin bekalannya memandangkan pertumbuhan marginal pengeluaran beras menampilkan penurunan dibandingkan dengan era 1970an dan 1980an, di mana menjelang awal 1990an, kadar sara diri beras negara telah menurun kepada 73%.
32. PR-1211-L12075
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar universiti tempatan mengikut pecahan kaum dan tahun akademik yang mereka berada dan langkah-langkah Kementerian untuk menambah peluang yang sama rata kepada semua pemohon yang layak.
33. PR-1211-L11303
Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini projek mega Koridor Sabah (Sabah Development Corridor) dengan menyatakan dengan jelas sumber-sumber pelaburan, faedah-faedah jangka panjang serta kajian sosio-ekonomi yang telah dijalankan.
34. PR-1211-L12422
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data Indeks Jenayah dari tahun 2005 hingga kini.
35. PR-1211-L11374
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memulihkan sistem pilihan raya kepada Kerajaan Tempatan. Jika ya, beri butir. Jika tidak, mengapa.
36. PR-1211-L12498
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai sebarang bentuk perjanjian pertahanan atau perjanjian dua hala dengan Amerika Syarikat untuk mengizinkan armada perang negara tersebut yang lengkap dengan senjata nuklear berlabuh di Pelabuhan Klang dan jika benar, sejak bila perjanjian itu dibuat, alasan-alasannya serta berapa kalikah armada perang Amerika Syarikat berlabuh di Pelabuhan Klang.

37. PR-1211-L12538
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peratus daripada pendapatan projek-projek perladangan di atas tanah simpanan Orang Asli sebenarnya dinikmati oleh masyarakat Orang Asli.
38. PR-1211-L11336
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- a) bilangan remaja berumur antara 10-25 di kawasan Lembah Pantai yang ditangkap di bawah Akta Dadah Merbahaya pada tahun 2007 mengikut pecahan jantina dan kaum; dan
 - b) dari jumlah di atas berapa ramai yang masih berada di pusat pemuliharaan dan pendekatan bantuan yang telah diambil terhadap remaja dan keluarga mereka.
39. PR-1211-L12581
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan lambakan barangan import yang tidak bermutu di pasaran Malaysia yang menjejaskan kesihatan dan kehidupan rakyat.
40. PR-1211-L11525
Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan jangka panjang Kerajaan bagi golongan kurang upaya supaya mereka benar-benar dapat hidup berdikari.
41. PR-1211-L12730
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk reformasi terhadap sistem kehakiman yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.
42. PR-1211-L11955
Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian mengenakan syarat deposit sebanyak RM3,000 bagi keluarga yang berpendapatan lebih RM2,000 sebulan dan RM500 bagi mereka yang kurang untuk melayakkan memohon pinjaman PTPTN dan juga dikenakan kadar faedah sebanyak 6% setahun.

43. PR-1211-L12266
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memberi fokus kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi sebagai pusat penerangan dan penyelidikan dalam menjayakan ECER.
44. PR-1211-L11499
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penganut Islam yang ingin keluar daripada Islam yang dimasukkan dalam pusat pemulihan sejak tahun 2005. Berapakah di antara mereka masih ingin keluar daripada Islam selepas keluar daripada pusat pemulihan tersebut.
45. PR-1211-L12247
Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya diraja bagi memastikan sistem pendidikan negara yang didapati tidak mantap dan selalu berubah mengikut keadaan.
46. PR-1211-L11876
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah rasional di sebalik pembatalan semua memorandum persefahaman (MOU) berkaitan program pelancongan antara Kerajaan Pusat dan lima buah Kerajaan negeri iaitu Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor yang dikuasai oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.
47. PR-1211-L11235
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- a) berapakah bilangan dan pecahan peratusan keanggotaan wanita dalam angkatan tentera darat, laut dan udara; dan
 - b) di cawangan manakah yang dianggap paling sesuai bagi kaum wanita.
48. PR-1211-L12192
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan kes yang didakwa atas kesalahan di bawah 'Private Health Care Services & Family Act' sejak dikuatkuasakan.

49. PR-1211-L12182
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- a) berapa peratuskah beras yang diimport dari negara jiran berbanding beras keperluan negara pada tahun 2007; dan
 - b) jumlah beras yang diimport mengikut negara.
50. PR-1211-L11801
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan nilai keuntungan yang diperolehi oleh RTM hasil siaran iklan untuk Barisan Nasional di RTM pada kempen Pilihan Raya Umum ke 12 yang lalu.
51. PR-1211-L12473
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan yang baru dibentuk ini mempunyai cadangan untuk menyemak semula royalti minyak kepada Negeri Sabah yang kini hanya sebanyak 5%. Isu royalti ini telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak termasuk juga pihak pembangkang yang meminta jumlah 5% untuk Negeri Sabah dikaji semula dan dinaikkan.
52. PR-1211-L12204
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah alternatif dalam menangani pembatalan cadangan pembinaan Stesen Jana kuasa Silam, Lahad Datu oleh Kerajaan Negeri Sabah.
53. PR-1211-L12355
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa banyakkah peruntukan tambahan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi memperluaskan liputan bekalan elektrik luar bandar (BELB) memandangkan liputan setakat ini adalah di dalam lingkungan 80% sahaja (sistem grid).
54. PR-1211-L11735
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi menghasilkan ramai atlit yang bertaraf 'world class'. Nyatakan bidang sukan yang difikirkan patut diberi perhatian dan tumpuan.

55. PR-1211-L12381
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan oleh kerana masih banyak kampung-kampung dan rumah panjang di luar bandar Sarawak belum menikmati bekalan elektrik dan bekalan air bersih (dirawat), apakah rancangannya untuk memastikan kesemua kampung dapat menikmati kemudahan tersebut menjelang 2010.
56. PR-1211-L11944
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan-kesan Pelaksanaan Konsep Pek Saiz Pesakit (Patient Pack Size) bagi Produk Farmaseutikal.
57. PR-1211-L12352
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab sebenar sistem kehakiman negara menghadapi krisis kepercayaan daripada rakyat.
58. PR-1211-L11752
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kedudukan projek pembinaan SJK Cina baru yang dijanjikan semasa pilihan raya umum lalu untuk dibina dari segi perkembangan projek, jumlah peruntukan, lokasi-lokasinya tahap pengambilan tanah dan bilakah mula dibina/siap serta kemasukan pelajar.
59. PR-1211-L12457
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia sedar bahawa Forex Trading adalah pasaran terbesar di dunia dengan nilai dagangan bernilai 8 billion setiap hari dan rakyat Malaysia tidak dibenarkan mengambil bahagian.
60. PR-1211-L12683
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam bidang kehakiman dan cara untuk menyelesaikannya. Adakah Kementerian mencadangkan untuk mewujudkan Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat kehakiman. Jika tidak mengapa.
61. PR-1211-L11544
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sepenuhnya skandal bailout Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berjumlah RM 4.6 bilion berkenaan kebolehlaksanaannya, sejarah penyelewengan transaksi tanah, pengeluaran Surat Sokongan yang tidak sah, bailout kabinet, ratifikasi keputusan-keputusan tidak sah oleh Menteri-menteri pengangkutan lepas secara retrospektif.

62. PR-1211-L11745
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk mengatasi inflasi yang melanda negara ini selain daripada penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai pengawalan harga.
63. PR-1211-L11455
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah terkini remaja yang dilaporkan hilang dan tidak dapat dikesan dalam tempoh 2006-2008. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengenal pasti sebab-sebab kejadian ini berlaku dan cara bagi mengatasinya.
64. PR-1211-L11981
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga 31 Mac 2008, berapakah jumlah dan nilai projek yang telah diluluskan kepada syarikat dan kontraktor bumiputera dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010).
65. PR-1211-L11881
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia telah mengiktiraf Konvensyen CERD (Convention for the elimination of Racial Discrimination), Konvensyen CCPR (Internatioanl Covenant on Civil and Political Rights), dan Konvensyen ICESCR (International Covenant on Economic and Social Cultural Rights). Sekiranya tidak, kenapa.
66. PR-1211-L11812
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan -
- a) peratusan kawasan hutan simpanan dalam tiga (3) tahun yang lalu; dan
 - b) sekiranya Kementerian bercadang untuk memperluaskan kawasan simpanan hutan dalam atau berdekatan bandar-bandar supaya penduduk-penduduk bandar turut dapat menikmati gaya kehidupan yang lebih seimbang.

67. PR-1211-L12611
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membantu pelaburan amanah saham negeri-negeri yang sedang bermasalah khususnya Amanah Saham Johor. Adakah perlu negeri-negeri berkaitan mengikuti langkah Selangor (Kerajaan sebelum ini) dengan membuat pengapungan syarikat Kerajaan negeri di Bursa Malaysia dan keuntungan dibahagikan kepada pelabur saham.
68. PR-1211-L12423
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman bagi melantik para hakim yang berintegriti dan berwibawa.
69. PR-1211-L12325
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berikutan Akta Industri Bekalan Air 2005, apakah pulangan yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan negeri dan Syarikat-Syarikat Konsesi Bekalan Air.
70. PR-1211-L11574
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian mempercepatkan kelulusan dan permintaan masyarakat luar bandar bagi memenuhi keperluan asas mereka supaya rakyat tidak menyalahkan Kerajaan kerana lebih menumpukan projek besar atau mega tanpa melihat keperluan asas mereka.
71. PR-1211-L11759
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian Pelajaran sedia membina SJKC baru secara sistematik memandangkan keperluan mendesak bagi SJKC di kawasan bandar dan segala kos pembinaan bangunan SJKC baru ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

72. PR-1211-L12568
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- a) bilangan tahanan di bawah umur 21 tahun yang ditahan di bawah Ordinan Darurat (ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah 1969), Emergency Ordinance (Public Order and Prevention of Crime) 1969 (EO) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, (Dangerous Drug), (Special Preventive Measures) Act 1985 (DDA) pada masa ini dan sebab-sebab penahanan mereka; dan
 - b) bilangan penahanan semula terhadap tahanan Ordinan Darurat (EO) yang telah dibebaskan oleh mahkamah dari 2005 hingga kini dan sebab-sebab bagi penahanan semula itu.
73. PR-1211-L12069
Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- a) adakah benar syarikat swasta telah diberi kebenaran untuk mengendalikan kelas komputer di sekolah; dan
 - b) jika benar, berapa yuran kelas komputer dibayar kepada sekolah atau syarikat terbabit.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

Menyambung semula perbahasan atas masalah (7 Mei 2008)

2. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

‘Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.’ “

4. PR-1211-U11249

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

(Menteri Pengangkutan)

5. PR-1211-U11250

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan\ yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

6. PR-1211-U11256

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

Menteri Belia dan Sukan)

7. PR-1211-U12705

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

(Menteri Dalam Negeri)

8. PR-1211-U12709

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

(Menteri Kewangan)

9. PR-1211-U11516

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

10. PR-1211-U11517

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

11. PR-1211-U11519

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

12. PR-1211-U11520

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

13. PR-1211-U11523

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

14. PR-1211-U12088

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

(Perdana Menteri)

15. PR-1211-U12093

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperoleh terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logiknya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

16. PR-1211-U12097

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

(Menteri Pelajaran)

17. PR-1211-U12648

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)

18. PR-1211-U11457
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

19. PR-1211-U12502
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarkan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

(Menteri Luar Negeri)

20. PR-1211-U12517
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

(Perdana Menteri)

21. PR-1211-U12520
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

(Menteri Kewangan)

22. PR-1211-U12526
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

(Perdana Menteri)

23. PR-1211-U12529
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

(Menteri Dalam Negeri)

24. PR-1211-U12535
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

(Perdana Menteri)

25. PR-1211-U12740
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

(Perdana Menteri)

26. PR-1211-U12741
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN.

Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyiasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

(Perdana Menteri)

27. PR-1211-U12583

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

(Menteri Pelajaran)

28. PR-1211-U12554

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

(Menteri Pelancongan)

29. PR-1211-U12590

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

(Menteri Pengajian Tinggi)

30. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia.”

(Menteri Pelajaran)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung, Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	8 Mei 2008
ST.16	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Jemaah Pemasaran Lada Hitam Bagi Tahun 2006(Telah Diaudit)	8 Mei 2008